



KENYATAAN AKHBAR

KAD PENDAFTARAN PERSONEL BINAAN CIDB DALAM BIDANG MINYAK DAN GAS DILANCARKAN SECARA RASMI HARI INI

27 Mac, 2014 | Klang, Selangor: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bersama Persatuan Kontraktor Luar Pantai Malaysia (MOCA) secara rasmi telah melancarkan program kad pendaftaran personel binaan atau lebih dikenali sebagai Kad Hijau dalam bidang minyak dan gas di sini hari ini.

Pelancaran program tersebut adalah hasil cetusan idea CIDB dan MOCA untuk mewujudkan satu program induksi keselamatan kesihatan pekerjaan komprehensif yang standard bagi diguna pakai oleh semua penggiat industri tempatan, selaras Akta CIDB.

Pengerusi CIDB, Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali berkata, aspek keselamatan seharusnya menjadi keutamaan dan sentiasa menjadi prioriti kepada semua penggiat industri di dalam bidang minyak dan gas.

"Melalui program ini, setiap personel bukan sahaja akan memiliki insurans perlindungan diri, tetapi ia juga memastikan setiap personel yang bakal bertugas untuk memahami dan benar-benar kompeten mengenai aspek keselamatan sebelum mula bertugas," katanya.

Hadir sama dalam pelancaran itu ialah Ketua Eksekutif CIDB, Dato' Sri Ir. Dr. Judin Bin Abd Karim.

Gabungan kerjasama strategik antara CIDB dan MOCA telah memasuki tahun ketiga pada tahun ini, selepas memorandum persefahaman (MoU) dibuat pada 12 Julai 2012.

Dalam tempoh tersebut, CIDB dan MOCA telah banyak menjalankan program kerjasama membabitkan kad pendaftaran personel binaan, program fellowship pembinaan, seminar dan sebagainya.

Presiden MOCA yang juga Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH Heavy Engineering Berhad (THHE), Nor Badli Alias berkata, sehingga kini, sejumlah 4,333 personel binaan telahpun mengikuti program kad pendaftaran personel binaan.

“Industri tenaga, minyak dan gas memerlukan tenaga mahir yang dilengkapi dengan ilmu pengetahuan mengenai teknologi dan kompetensi terkini, namun begitu agak mengecewakan kepakaran yang diperlukan sukar didapati daripada warga tempatan, sehingga perlu bergantung kepada pekerja asing,” katanya.

Badli berkata, pihaknya berharap agar CIDB dapat menghulurkan bantuan, kepakaran untuk meningkatkan kemahiran pekerja tempatan yang telah berada di dalam industri, tetapi belum mempunyai sijil kompetensi yang diperlukan.

“Tahun ini, pihak MOCA menjangka lebih dari 10,000 pekerja akan mengikuti program ini memandangkan peningkatan jumlah anggaran berat struktur keluli yang sedang dan akan dibina di kesemua lapangan fabrikasi ahli MOCA pada tahun ini telah mencecah lebih 100,000 tan metrik dengan nilai anggaran projek berjumlah RM10 bilion,” ujarinya.

Selain THHE, keahlian MOCA turut dianggotai oleh Sapura Kencana Petroleum Berhad, Malaysia Marine and Heavy Engineering Sdn Bhd, Muhibbah Engineering (M) Berhad, Brooke Dockyard and Engineering Works Corporation, Labuan Shipyard and Engineering Sdn Bhd, OceanMight Sdn Bhd dan Boustead Heavy Industries Corporation Berhad.

-Akhir-

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Noryani Ismail (noryani@cidb.gov.my)

03-40477027/019-2856867;

Enerda Omar (enerda@cidb.gov.my)

03-40477008/012-6146671

CIDB Malaysia

About CIDB:

The Construction Industry Development Board was established under the Construction Industry Development Act (Act 520) to develop the Capacity and Capability of the Construction Industry Through Enhancement of Quality and Productivity by Placing Great Emphasis on Professionalism, Innovation and Knowledge in the Endeavour to Improve the Quality of Life.